

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 30/01/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 14

Tajuk : ANGKASA serah sumbangan bantu Rohingya

PRIHATIN

ANGKASA serah sumbangan bantu Rohingya

Kelana Jaya: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyalur sumbangan RM92,040.20 kepada Tabung Kemanusiaan Rohingya Media Prima, di sini, semalam.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata penyerahan sumbangan itu selari dengan prinsip ANGKASA yang prihatin kepada masyarakat.

Katanya, program kutipan sedemikian bukan saja untuk membantu Rohingya, tetapi turut diadakan apabila berlaku malapetaka dan bencana seperti taufan di Filipina dan gempa bumi di Sulawesi, Indonesia baru-baru ini.

“Hasil sumbangan ini diperoleh daripada koperasi dan ahli koperasi di seluruh negara. Memang kita selalu hulur sumbangan sebagai sebahagian semangat kemanusiaan dan kita akan buat secara spesifik bagi sesuatu misi bantuan,” katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Rohingya Media Prima, di sini, semalam.

Sumbangan itu disampaikan Abdul Fattah kepada Pengarang Kumpulan BH, Khaidir Majid.

Yang turut hadir, Naib Presiden ANGKASA, Datuk Mohamad Ali Hasan.



[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN /BH]

Abdul Fattah menyerahkan cek sumbangan Tabung Kemanusiaan Rohingya Media Prima kepada Khaidir (empat dari kiri) di Kelana Jaya, semalam.

Khaidir pula berkata, Tabung Kemanusiaan Media Prima sudah mengumpul lebih RM761,000 sejak ditubuhkan pada November 2016.

Katanya, wang sumbangan itu akan disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO) di negara ini khususnya Mercy Malaysia yang melakukan misi bantuan perubahan dan kemanusiaan di Myanmar.

“Mercy Malaysia sudah gunakan wang ini dalam kerja pembinaan

klirik di Rakhine, Myanmar,” katanya.

Perkenal Barang Asas 100

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, ANGKASA akan memperkenalkan Barang Asas 100 (BA100) iaitu program yang menawarkan produk pada harga rendah antara 10 hingga 20 peratus daripada harga pasaran bagi membantu meringankan beban pengguna.

Beliau berkata, BA100 yang di-

jayakan kira-kira 3,000 koperasi di negara ini membabitkan barangan kawalan seperti minyak masak dan gula, dijangka diperkenalkan pada Mei depan.

Katanya, ANGKASA kini pada peringkat membangunkan sistem bagi melancarkan proses belian sebagai pelaksanaan program berkenaan.

“ANGKASA akan bertindak sebagai jalan pintas kepada orang tengah kerana kita membeli secara

pukul daripada pengilang atau pengusaha.

“Kita percaya harga barang pengguna yang tinggi di pasaran sekarang ini berpunca daripada pelbagai lapisan, sebelum ia sampai kepada pengguna, menyebabkan harga menjadi tinggi,” katanya.

Abdul Fattah berkata, BA100 akan melalui proses percubaan pada Mac ini dan produk boleh dibeli ahli koperasi serta orang ramai.